

Pengenalan

Pembentukan teori sastera taabudiyah itu sudah dibina pada tahun 1970an lagi. Di awal – awal dekad tersebut saya telah menulis beberapa siri sastera Islam dalam beberapa penerbitan seperti majalah *Dewan Bahasa, Dewan Sastera, Berita Minggu, Utusan Zaman dan Mingguan Malaysia*. Kelangsungan daripada diskusi sastera Islam pada dekad 1970-an dan oleh kerana banyak teks kreatif Islam pada dekad 1970-an dan oleh kerana banyak teks kreatif Islam diciptakan ramai penulis: maka sangat diperlukan sebuah pendekatan atau teori sastera Islam. Dasar pendekatan teori sastera Islam dibicarakan dalam *Berita Harian* 16.9.1984. Tulisan ini memerlukan pengukuhan dan penyempurnaan, dengan menggunakan judul “Pendekatan Kritikan Islam” diterbitkan dalam buku *Kritikan Sastera: Kaedah dan Aplikasi*. Menurut ulasan Hashim Awang dalam bukunya *Kritikan Kesusasteraan: Teori dan Penulisan*, 1988, telah mengakui pendekatan sastera Islam itu sebagai sebuah teori. Dengan demikian itulah teori pertama yang diciptakan di tanah air. Kemudian teori itu dikembangkan dan dimantapkan, lalu ditukar namanya kepada teori sastera Taabudiyah 1998, supaya mengelakkan pertindihan dengan Sastera Islam Takmilah ciptaan Shafie Abu Bakar.

Berikut ialah intipati dan teras teori sastera taabudiyah, yang telah dijelmakan dengan mengalami beberapa aspek pengejapan dan proses peneguhan, juga penyempurnaan. Tidak terelakkan tulisan ini berlaku perulangan daripada apa yang sudah dibincangkan, tegasnya berlaku aspek transformasi, parodi, modifikasi, ekspansi dan revisionism, juga parallel, terhadap teori taabudiyah sebelumnya. Perkara utama yang perlu ditegaskan ialah bahawa sumber dan dasar kritikan Islam adalah berasal daripada Al-Quran dan Sunah Rasulullah. Dari perspektif persejarahannya pula, dasarnya sudah ditradisikan di zaman nabi Muhammad S.A.W. lagi, di mana beberapa buah hadis baginda menteorikan terhadap penilaian karya sastera. Tradisi ini diperkukuhkan lagi pada zaman Umayyah dan seterusnya pada zaman Abbasiyah. Dua kriteria yang menjadi tunjang kritikan Islam ialah pengukuhan akidah dan pembentukan akhlak Islamiah.

Prinsip Teori Taabudiyah dalam Novel *Salina*

1. Latar Belakang Pengarang

Pertama kritikan pendekatan Islam membicarakan aspek latar belakang penulisnya. Adalah difikirkan mustahak, sebelum memasuki pembicaraan intrintik, aspek ini dibicarakan terlebih dahulu, ini memandangkan bahawa kreativiti kesenian dan sastera dalam Islam, faktor manusia atau pihak yang mengendalikannya diambil kira. Sastera Islam menolak karya yang ditulis oleh bukan orang Islam meskipun persoalannya menyentuh sudut keislaman. Sama seperti sosiologikal, riwayat hidup pengarang, kemasyarakatan pendidikan, alam sekitran dan nilai hidup dibicarakan, pendekatan ini juga mengambil kira dan mengenai pasti semua faktor itu. Yang berbeza, kritikan Islam lebih cenderung menganalisisnya dari sudut yang ada kaitannya dengan keislaman. Malah budaya atau amalan seseorang itu perlu juga dibincangkan, sama ada seseorang itu bergiat dalam gerakan keislaman atau dalam kebajikan.

Tidak dapat dinafikan bahawa faktor – faktor yang disebutkan dapat menolong memperkenalkan penciptanya ini akan mempengaruhi karya yang dihasilkan. Penganalisaan aspek diri pengarang ini juga sangat dituntut, justeru Islam tidak mahu melihat ada percanggahan di antara apa yang ditulis dengan amalan sehari – hari yang dilakukan oleh pengarang. Kalau dia mengajak beramal makruf dan melarang mungkar dalam karya sasteranya, maka pengarang harus melakukan hal – hal sedemikian dalam hidupnya. Di sini ada kaitan dengan konsepmunafik atau sebagainya. Sebagaimanapun dalam konsep Islam, ia menggalakkan seseorang itu melakukan dakwah atau penyeruan dalam bidang masing – masing. Jika seseorang itu pandai bersyarah, maka dia harus menggunakan kepandaiannya untuk menyampaikan syarahan – syarahan tabligh. Dan jika dia seorang penulis, maka tanggungjawabnya menyebarkan risalah Islam melalui penulisan.

Merujuk kepada pengarang Novel *Salina*, A. Samad Said adalah seorang pengarang cereka Melayu yang agak unik dan khusus dalam perkembangan cereka Melayu moden. Dia giat mengarang mulai tahun 1950. Samad mempunyai kekuatan daya kreatif yang senantiasaberkembang dan bersifat penerokaan. Kebolehannya luar biasa dan mempunyai kekuatan dalam pemikiran membolehkan dia menjadi seorang pengarang yang prolitik. Dalam Sastera Melayu, jarang didapati penulis yang dapat menjelaskan proses diri untuk menghasilkan karangan – karangan, seperti yang dilakukan oleh Samad dalam *buku Salina Ke Langit Petang : Proses Penciptaan Novel*. Seorang pembaca mungkin memahami isi cerita A. Samad Said lain daripada yang dikatakan dalam mempunyai pandangan dan nilainya

sendiri terhadap novel – novel A. Samad Said seperti falsafah dan lain –lain. Namun sebagai pembaca mungkin tidak dapat menolak bahawa bagi Samad penciptaan novel adalah sesuatu yang serius yang tidak dapat dilakukan dengan sambil lewa. Idea – idea yang memulakan merupakan ‘awan – awan yang terapung’ yang pada hakikatnya hanya merupakan lintasan – lintasan fikiran, pengalaman – pengalaman yang dilalui atau timbaan – timbaan daripada bacaan mestilah diolah dan diungkapkan dengan teliti hingga menjadi sebuah novel.

Selain pengalaman pada zaman kanak – kanaknya itu, ada beberapa hal lagi yang turut mempertajamkan bakat mengarang Samad Said. Antaranya ialah dalam pembacaan yang luas tentang sastera dunia dan tugasnya dalam bidang penenrbitan yang sering berhubung dengan kesusasteraan. Sesungguhnya A. Samad Said mula menulis pada zaman perkembangan ASAS 50, malah pernah disebut ‘kader’ yang termuda bagi angkatan itu, Samad bukan lagi penulis ASAS 50 yang idealis tetapi penulis baru idealis dan juga realis

A Samad Said juga merupakan orang pertama dalam golongan penulis Melayu yang berhasil memadukan ketukangan (craft) dengan kesenian (art). Kesusasteraannya adalah hasil kesenian yang diangkat daripada kemahirannya. Dia menjadi peneroka satu penulisan baru yang walaupun meneruskan idealisme ASAS 50 tetapi sekali gus membaharui keseniannya. Sumbangan Samad kepada kesinambungan kesusasteraan Melayu nampak menyerlah kerana dia adalah sebetuk cincin daripada rantai kesusasteraan Melayu yang menyambungkan ASAS 50 dengan angkatan sesudahnya.

A Samad Said adalah anak kelahiran anak zaman moden yang banyak dipengaruhi oleh Barat. Secara tidak langsung hasil karyanya dipengaruhi oleh Barat. Kesedaran sasteranya lahir daripada sisa peperangan dan seterusnya dari pembacaan tentang falsafah anti perang dan anti anti *establishment* yang kemudiannya melahirkan penentangan. Dari realisme idelisme Samad meneroka ke realisme yang baru dan sekarang dengan Daerah Zeni, novelnya terbaharu, ia pernah ditanya adakah dia sudah menganut falsafah eksistensialisme.

2. Aspek Isi karya

Pendekatan ini menganalisa aspek isi karya. Pengertian isi merujuk kembali seperti yang telah disebutkan, iaitu hal-hal yang dengan persoalan seperti tema, pemikiran, ideologi, premis dan falsafah. Tahap awal yang hendak digariskan ialah sejauh mana isi karya itu membincangkan isu – isu keislaman. Dari sudut manakah isu keislaman itu dirujuk: kemasyarakatan, syariah, ibadat dan oral. Kemudian dibincangkan aspek teknik dan mekanisme kepengarangannya. Adalah diharapkan tema yang dikupas oleh pengarang adalah penjelmaan penghayatan Islamiah, lebih luas, lebih mendalam, mencakup aspek kehidupan dan ia rapat pula dengan permasalahan kontemporari umat islam.

Dalam menganalisa seorang pengkritik Islam hendaklah memastikan skop perbincangan pengarang. Janganlah seperti menyentuh topik – topik yang sempit, kecil dan kurang berkaitan. Begitu juga pandangan terhadap pengertian tema atau pokok persoalan dalam islam yang sering dijadikan bahan karya seperti kematian, kisah di sekitar ibadat dan taubat hendaklah diberikan pandangan baru dan tidak saja diulang-ulang, seolah – olah hanya itulah tema dalam sastera Islam. Sesungguhnya ruang lingkup pembicaraan tentang kisah – kisah atau pemikiran-pemikiran Islam, amatlah luas jadi, dalam menganalisa, hendaklah diberikan perhatian dalam konteks pemilihan tema, kepentingan tema dan bagaimana diutarakan.

Novel Salina memperlihatkan isi yang kompleks dari bab ke bab, iaitu kumpulan interaksi antara para wataknya. Dalam interaksi atau perhubungan itulah teretus pokok persoalan novel tersebut. Bagi setiap bab A. Samad Said berkecenderungan untuk mengemukakan dua orang dua orang watak berinteraksi untuk menimbulkan berbagai – bagai persoalan. Dari bab 34 dalam novel ini terdapat interaksi antara lebih kurang sepuluh orang wataknya.

Pada bab permulaan A. Samad Said memperlihatkan eksposisi dialog watak Siti Salina, Abdul Fakar, Hilmy, Katijah dan Haji Karman sebagai premis kepada cerita. Bab selanjutnya (dari bab 2 hingga Bab 33) pengarang membentangkan dialog antara dua orang sahaja sambil melibatkan watak lain sama ada melalui ingatan atau surat kiriman. Dalam bahagian bab, pengarang cuba menyorot latar belakang hidup wataknya Razman, (Bab 8/22), Siti Salina (Bab 10), Nahidah (Bab 12), Zarina Bab 14/20), Haji Karman (Bab 16), Mansor (Bab 17) Hilmy Bab 19), dan Sunarto (Bab 26). Pada bab penutup (Bab 34) ditimbulkan

dialog dalam pertembungan antara Hilmy dan Mansor, Abang Nahidah di Singapura. Dalam dialog itu ditimbulkan perihal semua watak yang terlibat, kecuali Zarina.

Isi di dalam novel Salina ini mempunyai hubungan yang erat dengan peribadi pengarang. A Samad Said yang telah melalui proses penciptaan yang begitu lama dan panjang sekali. Watak – watak di dalam novel Salina juga mempunyai hubungan dengan detik dalam hidup A. Samad Said sendiri melalui pembacaannya. Unsur ini pula dilahirkan setengahnya secara sedar dan sesetengahnya tanpa disedarinya.

Begitulah kita melihat kompleksiti konflik isi novel Salina yang berpunca daripada isinya yang beraneka ragam dan watak yang berbagai – bagai ragam dan telatahnya. Isi dan watak ini adalah manifestasi campuran daripada perwatakan dan perawakan A. Samad Said sendiri.

3. Teknik penulisan

Pembicaraan di sekitar aspek teknik penulisan. Dalam aspek ini, dua perkara yang harus diberikan perhatian utama, iaitu estetika dan unsur logik. Apabila disebut estetika, maksudnya keindahan yang ditanggapi menurut Islam. Bukannya memberikan penghormatan yang tidak lumayan terhadap kebebasan imaginasi yang tidak terbatas, atau yang mementingkan keseronokan indera, tetapi ia lebih kepada pertingkatkan pemikiran dan sifat kemanusiaan itu sendiri seperti yang telah dibincangkan. Bagaimanapun, estetika disini, dapat dikatakan merangkumi juga aspek keindahan sebagai karya sastera dalam pengertian yang umum. Misalnya apabila menggambarkan iman watak yang sedang mengalami perkembangan iman dan kesedaran Islamiah pada seseorang watak itu, hendaklah diolah dengan cara yang menyakinkan supaya jangan timbul kepura – puraan dan tidak realistik.

Berbagai-bagai teknik sebenarnya boleh digunakan dalam mengembangkan watak dan cerita. Tetapi teknik yang agak besar dan selalu dipakai dalam karya – karya berunsurkan islam seperti teknik dakwah, khutbah atau fikiran – fikiran terbuka yang dilontarkan melalui perbualan pengarang, sudah amat klise dan tidak menarik. Teknik yang tinggi memperlihatkan penguasaan estetika yang tinggi dan selaras pula dengan islam tentulah menjadi perhatian penting. Salah satu aspek dalam analisis prinsip sastera pengabdian ialah aspek bahasa. Bahasa menjadi ciri utama dalam pembentukan estetika sastera Islam. Telah dihujahkan bahawa Al – Quran memiliki keindahan bahasa, sehingga terpesona orang yang mendengarnya. Bahasnya

yang merdu, lunak dan menghairankan. Telah dijelaskan, banyak peristiwa yang menunjukkan pembesar – pembesar Quraisy walaupun mengikari dakwah namun secara senyap – senyap mereka mendengarkan Al-Quran, kerana terpesona dengan estetikanya. Dalam konteks ini menurut al-Jahiz, keindahan bahasa adalah menjadi ciri utama dalam perkembangan dan pengajaran sastera. Di dalam Al – Quran banyak cerita. Cerita gembira dan meresap dan bersatu dalam jiwa dan tergambar keindahannya penuh nikmat dan keriang, sementara cerita sedih membolehkan pembacanya menitiskan air mata, kerana ia disampaikan dalam bahasa yang indah. Menurut Abu Hayan al-Tauhidi setelah mengkaji akan tulisan – tulisan pengkaji sastera Islam, beliau mendapati bahawa keindahan sastera dalam Al – Quran seolah – olah tersembunyi di sebalik pengaplikasian bahasanya. Apabila kita membaca amat terasa keindahan itu, tetapi amat sukar untuk menjelaskan keindahan yang kita rasakan kita. Kita sering merujuk surah al-Rum, yang mafhumnya dan daripada tanda – tanda kebesaran Allah ialah menjadikan langit dan bumi dan perbezaan bahasa, sastera dan bangsa kamu sekalian, sesungguhnya yang demikian itu adalah tanda – tanda bagi orang yang berilmu. Rasulullah adalah amat menyintai bahasa yang indah, baginda gemar mendengar syair – syair yang indah, namun juga sangat menghargai isi yang baik, kerana isi yang baik itu adalah juga refleksi daripada bahasa yang indah.

Dalam Novel Salina, untuk melihat plot yang penuh teknik, kita ambil Bab 14 sebagai model. Dalam bab ini, pengarang benar – benar mengeksplot aneka teknik yang menarik. Teknik inilah yang memberikan kekuatan dan kemantapan kepada dirinya.

Bab 14 terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian satu dijadikan sebagai premis kepada pembangunan cerita dalam Bahagian Dua. A. Samad Said memulakan Bahagian Satu dengan mengemukakan masalah kedudukan setingan di Kampung Kambing. Rumah – rumah di kawasan itu akan dirobohkan dan penduduknya perlu dipindahkan ke tempat lain. Isu roboh rumah ini ditonjolkan dengan menggunakan watak Haji Karman, orang tua dan tokoh agama di situ. Bagi memburukkan watak Haji Karman, orang tua dan tokoh agama di situ. Bagi memburukkan keadaan, disebarkan pula khabar angin kononnya pegawai kerajaan yang akan bertindak kerajaan itu, dikemukakan pula Bahagian Dua.

Bahagian Dua pula menggambarkan latar belakang. Zarina dia sebagai pelayan. Kerana isu rumah Kampung Kambing yang hendak dirobohkan Zarina dicabar untuk menjadi pelayan semula. Dengan itu Zarina menuduh Nahidah, anak tirinya dengan alasan – alasan

palsu dan fitnah terhadap Sunarti. Akhirnya Nahidah terpaksa mengikut kehendak Zarina untuk menjadi pelayan bagi mendapatkan wang pebelanjaan harian.

Bab sebelum 14, iaitu Bab 12 dan Bab 13, diadakan untuk memberi tekanan kepada watak Nahidah yang malang itu. Teknik kedua, Bahagian Satu ditimbulkan sebagai satu titik tolak untuk mengembangkan ceritanya iaitu berkenaan dengan isu kerajaan hendak merobohkan rumah setinggan tempat tinggal mereka.

Teknik ketiga membentangkan latar belakang Zarina yang dicabar untuk menjadi pelayan semula oleh kawan – kawan pelayannya dengan alasan suami sudah mati, sudah tidak mengharapkan orang lain untuk hidup senang. Teknik pertama, kedua dan ketiga ini menjadi sebab yang membaca akibat selanjutnya. Ketiga – tiga teknik itu dapat memperlihatkan kelicinan plot yang menarik dan munasabah.

Teknik keempat menjadi akibat sebab di atas – iaitu teknik bayangan semasa daripada watak Zarina. Terdapat tiga kali ia bertanya pada dirinya. “Begitulah kalau Nahidah aku suruh jadi pelayan”. Kemudian dia membandingkan kecantikan Nahidah dengan kawan – kawan pelayannya.

Teknik kelima ialah penggunaan simbol psikologi melalui binatang semut. Pada Zarina semut yang hendak dibunuhnya itu ialah seperti dia hendak menjadikan Nahidah sebagai mangsa hawa nafsunya. Simbolnya yang lain, cawan kopi sebagai kemewahan kebendaan pada mana berkumpulnya semut – semut. Kata pengarang “barisan semut itu berbengkak – bengkok...”. Kemudian di bahagian lain, Zarina masih lagi hendak melanyak semut yang lemah itu seperti dia hendak merosakkan anak tirinya supaya menjadi pelayan. Pada Nahidah pula, semut itu lambang psikologinya sebagai makhluk yang tidak berdosa dan dipaksa menjadi pelayan. Akhirnya Zarina bertindak terhaap semut seolah – olah dia juga bertindak memusnahkan masa depan Nahidah.

Satu teknik A. Samad Said yang baik sebagai teknik keenam ialah ketelitiannya membuat sesuatu deskripsi. Sebagai contoh dalam bab ini, dia begitu teliti melukiskan keadaan semut yang kecil bergerak dan berinteraksi antara satu sama lain.

Teknik ketujuh ialah kerencaman pengarang memperhebatkan sesuatu isu antara watak, iaitu seperti mengadakan ‘serangan’ fitnah daripada seseorang watak terhadap watak lain, di hadapan watak lain. Kita dapati bagaimana hebatnya Zarina menyerang Sunarto bersungguh – sungguh dengan segala fitnahnya di hadapan Nahidah. Dikatakan Sunarto itu

kaki joli, Sunarto ada menyimpan perempuan lain dan Sunarto gilakan Nahidah, yang kesemuanya tidak betul. Akhirnya Nahidah termakan juga fitnah dan hasutan itu dan terpaksa bersetuju menjadi pelayan.

Teknik kelapan merupakan pembentangan masalah dahulu kemudian diikuti oleh tujuan. Seperti juga pengarang yang membentangkan masalah dahulu diikuti dengan tujuan, Zarina mengemukakan masalah kepada Nahidah, Kemudian diberitahu tujuannya dengan penuh diplomasi – iaitu masalah Kampung Kambing yang hendak dirobohkan. Sebab itu dia menyuruh Nahidah menjadi pelayan, supaya dapat terus hidup.

Teknik dramtix irony dalam bab ini sebagai teknik kesembilan ialah pembaca sudah tahu tindak tanduk menjadi pelayan dengan berbagai – bagai alasan. Padahal usaha ini belum diketahui oleh watak Nahidah sendiri dan dia sendiri bingung apakah tujuan ibu tirinya berdiplomasi dengannya. Dengan ini, pengarang terus – menerus memperhebatkan tekanannya terhadap watak Nahidah yang sedia malang itu. Teknik ini menimbulkan kesan daripada kesan retorik yang amat sangat. Misalnya dalam Bab 14 ini pula dia dipaksa menjadi pelayan.

Teknik kesepuluh ialah teknik mempergunakan unsur – unsur ingatan, bayangan, khayalan dan imbas kembali pada watak Nahidah iaitu kesan daripada perkataan yang selalu ditakutinya ‘pelayan’. Dari itu timbullah ingatan Nahidah kepada watak Mahani, jirannya yang bercakap tentang ibu tirinya Zarina yang menjadi pelayan. Dalam imbas kembali itu terdapat dialog pertengkaran Zarina dan bapanya. Teknik kesebelas adalah teknik monolog dalaman daripada watak Nahidah. Nahidah bertanya kepada diri sendiri – mengapa, apa, kenapa, bagaimana dia mesti menjadi pelayan. Dia terus bertanya akan hal – hal yang berhubung dengan dunia nyata. Begitulah kita melihat bagaimana pengarang A. Samad Said mempergunakan sekurang – kurangnya dua belas teknik plot dalam bab 14 dijadikan model penggunaan teknik dalam plot.

4. Menjelaskan kebenaran

Estetika seni Islam tertonggak pada menjelaskan kebenaran. Kebenaran itu boleh disampaikan dengan bahasa prosa (nasr) atau symbol (ramzi). Bahasa simbolik atau teks simbolisme, banyak dihasilkan dalam tradisi penulisan islam, terutamanya yang bergenrekan sufisme dan filosofikal. Kekayaan Al – Quran daripada segi simbolik seperti istiarah dan

majaznya menjadi aspirasi dan ikutan pengarang islam. Begitu juga di dalam Al – Quran terdapat ayat mahkamah dan mutasyabihah memerlukan pentakwikan dan kepakaran (ulul albab): justeru ditakuti jatuh kepada kesalah tafsir. Terdapat karya sastera yang memasuki ke alam bukan aliran al-haqiqiyah, sebaliknya memerlukan kefahaman tentang pentakwikan dan simbolisme. Apa pun Islam mementingkan kebenaran, dan ia terjelma dalam kepelbagaian estetika bahasa, Jesteru itu islam mengelakkan daripada sifat kekaburan dan kekeliruan.

Dalam novel Salina dapat dilihat kebenaran itu datangnya dari watak Siti Salina itu sendiri. Peperangan menyebabkan Siti Salina kehilangan kedua orang tuanya, tiga orang adik beradiknya serta kekasihnya yang mati terkena bom askar Jepun. Peristiwa ini menekan perasaan dan keseluruhan jiwa Siti Salina sehingga dia sanggup mati bersama – sama dengan keluarga tercinta. Mohd Yusof hasan (2004: 27) menyatakan bahawa pemikiran adalah kegiatan dan proses penggunaan akal manusia untuk berbagai – bagai tujuan dalam kehidupan. Apabila diteliti pengarang mendapati watak Siti Salina menggunakan akal fikiran secara rasional supaya tidak melakukan kerja yang diredhai oleh Allah S.W.T. Kekecewaan yang dihadapi mesti diatasi dengan menggunakan akal dan fikiran sempurna. Setiap musibah yang berlaku ada mempunyai iktibarnya.

Selaku pengarang, Samad menggambarkan watak Siti Salina sebagai pelacur yang mula mendandan dirinya apabila matahari mula terbenam, iaitu kira – kira pukul tujuh malam. Siti Salina mula menyoleki mukanya, cantik – cantik, membaluti tubuhnya dengan pakaian cantik dan baru. Pakaiannya, biasanya dari jenis kain jarang tidak dengan niat untuk menyembunyikan tubuhnya yang segar dan besar, ditengguk dan lehernya disapu minyak ‘Evening In Paris’, kemudian dia keluar entah ke mana dan pulang ke lewat malam. Pelakuan Siti Salina ini terdapat pada halaman (132-135).

Daripada kenyataan di atas dapat dirungkaikan keadaan hidup seorang pelacur yang terpaksa menghias dirinya untuk memikat hati lelaki. Menurut Abu Urwah (1986: 40) terdapat sedikit perbezaan di antara seorang perempuan melihat laki – laki dengan seorang laki – laki melihat perempuan. Tabiat laki – laki adalah lebih agresif daripada perempuan. Jika sesuatu itu menarik hati seorang laki – laki, biasanya dia akan cuba untuk memperolehinya. Manakala orang perempuan, biasanya bersifat sukar untuk melahirkan perasaannya. Kebanyakan perempuan tidak bersifat agresif, berani dan nekad ntuk membuat langkah bagi mendapatkan laki – laki yang menarik hatinya. Memandangkan perbezaan ini, maka syariat Islam tidak menganggap tidak menganggap perempuan melihat lelaki akan

membawa mudarat yang lebih besar daripada lelaki akan membawa daripada laki – laki melihat perempuan. Oleh itu, apa yang dilakukan oleh Siti Salina sememangnya untuk menggoda kaum laki – laki yang boleh dijadikan sesuap nasi. Setiap perkhimatan yang diberikan oleh Siti Salina perlu dibayar. Pengarang mendapati bahawa watak Siti Salina seolah – olah seperti alat atau perkakas yang hendak disewakan. Barang siapa yang menggunakan alat itu hendaklah membayar sewanya terlebih dahulu, selepas itu barulah boleh digunakan. Affandi Hassan (1992: 23) menyatakan bahawa setiap manusia harus ingat akan kegunaan kalam dalam Islam yang ditunjukkan dalam tujuan ilmu itu, iaitu untuk membawa manusia pandai membaca ayat – ayat Allah dan dengan itu dapat meletakkan dirinya dalam perspektif yang betul.

5. Estetika Bahasa Islam.

Estetika bahasa Islam meletakkan dasar tentang makna. Segala aplikasi bahasa baik lafaz, jumlah, fasahah dan balaghahnya berpuncak pada makna. Dengan mengaplikasikan bahasa Islam kita dapat keindahan bahasa dan maknanya disampaikan dalam pelbagai bentuk. Makna ada waktunya disampaikan secara terbuka (fatahah), dalaman (transcendental) tersembunyi (latent). Dalam aspek logik pula, sememangnya menjadi prasyarat dalam menentukan karya sastera Islam. Sebab musabab, takulan, menyakinkan dan bersandarkan akaliah adalah sifat – sifat logik, atau mantik islam. Ini tidak bererti ia menolak karya yang lain daripada corak itu, Islam sebenarnya mempunyai bidang yang sangat luas dalam aspek mantik atau logik ini, asalkan ia tidak bertentangan dengan akidah keislaman. Watak yang jahat, tiba – tiba berubah menjadi baik, bertaubat dan naik haji tanpa diberikan sebab – musabab yang menyakinkan, sebenarnya bukanlah mencapai teknik penulisan Islam yang baik. Faktor – faktor yang boleh mendatangkan kebosanan, tidak berpijak ke alam nyata dan khayalan kosong begitu saja, juga bukan logik sastera islam. Dalam konteks logik ini pula tidak hanya tertumpu pada logik umum, ia tidak terikat dalam sesuatu aliran, tidak hanya logik realistik misalnya, juga aliran dan mazhab yang lain termasuk yang unrealistik, magisme, pascamodenisme dan sebagainya asalnya logik, aliran mazhab dan pegangan pengarang boleh dianalisis untuk memahami teks dan kepengarangan.

Berkisar bahasa Islam dalam novel Salina pula dapat dibuktikan dengan watak Hilmy iaitu jiran kepada Siti Salina. Siti Salina sangat baik orangnya sangat sangat ramah dengan jiran – jirannya. Walaupun ramai pembaca meletakkan watak Siti Salina sebagai watak

pelacur tidak bermoral dan diletakkan di tangga paling bawah sekali dari segi harga diri. Namun pengkaji mendapati pengarang novel Salina, iaitu A. Samad Said seolah – olah rasa simpati dengan watak Siti Salina yang dipandang hina oleh masyarakat. Perbuatannya menjadi pelacur, berkesedudukan dengan lelaki tanpa nikah, apatah lagi untuk merasakan perbuatan itu adalah terkutuk dan berdosa, namun Siti Salina merupakan wanita yang mempunyai sifat kesantunan yang tinggi. Dia disayangi dan dihormati oleh jiran – jirannya. Apabila dia bergaduh dengan Abdul Fakar semua jiran – jirannya benci pada Abdul Fakar dan tetap simpati pada Siti Salina. Setelah dianalisis dengan mendalam, pengarang mendapati bahawa Siti Salina merupakan seorang wanita yang baik dan berhati mulia, disebabkan oleh beberapa perkara yang telah menimpa dirinya hinggalah maruahnyanya tercalar dan kerana desakan hidup maka dia memilih pekerjaan sebagai pelacur. Sekiranya ada mana – mana lelaki yang ingin menjadikannya isteri, berkemungkinan besar Siti Salina boleh menjadi isteri yang baik dan tahu tanggungjawab sebagai isteri dan ibu kepada anak – anaknya. Buktinya, Siti Salina pernah menasihati Hilmy:

*“Sekarang Hilmy mesti bercita – cita dahulu. Kalau tak bercita – cita macam kapal tak bertujuan. Hilmy masih muda. Otak masih baik, peluang masih banyak. Jangan sia – saikan peluang baik tu”
Siti Salina menasihatinya.*

(Salina: 142)

Siti Salina tahu hidup mesti ada matlamat dan kerana itulah dia menasihati Hilmy supaya menjadi orang yang berguna pada masa depan. Dia menasihati Hilmy kerana dia tak mahu Hilmy menjadi senasib dengan dia bukan untuk menjadi pelacur, tapi takut menjadi manusia yang tidak berilmu dan sukar mencari rezeki untuk sesuap nasi. Dengan adanya ilmu, kita akan mudah mendapat kerja yang baik dan mudah mendapatkan rezeki yang halal untuk sesuap nasi. Generasi sepertilah yang diperlukan pada masa depan untuk menjadikan seseorang itu berjaya dalam kehidupannya.

Siti Salina merupakan seorang wanita pelacur yang suka membantu orang lain walaupun dirinya sendiri susah dan bergantung hidup dengan hidup pelacuran, tetapi hatinya mulia dan suka menolong orang lain. Buktinya:

“Hilmy jangan susah. Kakak tolong Hilmy kalau ada apa – apa kesusahan tentang duit buku umpamanya, cakap pada kakak”

(Salina: 142)

Begitulah, keikhlasan hati Siti Salina, walaupun dia sendiri susah, namun dia tetap ingin membantu orang lain yang juga dalam kesusahan, walaupun buruk tanggapan orang – orang yang tinggal di Kampung Kambing terhadap Siti Salina. Pengarang mendapati watak Siti Salina sebagai watak wanita yang baik, tidak mementingkan diri sendiri dan sanggup berkeoban untuk orang lain, terutamanya sekali Abdul Fakar yang raut wajahnya seiras bekas kekasihnya

Kesimpulan

Sastera dalam konteks pandangan Islam sesuai dengan fitrah dan kejadiannya ialah tunduk, menyerah dan taqarrub kepada-Nya. Sejak dari zaman tradisi Islam, sastera Islam berperanan untuk meningkatkan akidah, syariah, akhlak dan mujtamak.

Namun, berbalik pada novel Salina, kedesakan hidup mendorong beliau menjadi pelacur untuk terus hidup. Melacurkan diri adalah amat bertentangan dengan ajaran Islam malah murka pada Allah S.W.T. Pengarang juga mengajukan masalah pelacuran di Kampung Kambing di Singapura ketika zaman perang kepada A. Samad Said. Samad mengatakan itulah realiti hidup ketika zaman perang senantiasa susah dan mencabar serta desakan untuk mencari sesuap nasi, terutamanya kepada para wanita yang kurang didikan sebagai pelacur merupakan pekerjaan hina dan tidak diredhai oleh Allah S.W.T. Shafie Abu Bakar (1995) dalam teori takmilahnya ada menyatakan bahawa falsafah tauhi merentasi semua aspek keislaman termasuk sasteranya. Falsafah ini merupakan persoalan prinsip lagi asasi dalam akidah yang tersimpul dalam dua kalimat Syahadah, sebab ia menjadi persoalan pertama yang merupakan kebenaran yang seharusnya wujud sebagai paksi dalam seluruh bahagian dan cawangan islam. Teori takmilah ada menekankan perkara yang berhubung dengan perundangan atau aturan yang berhubung dengan nilai keakhlanan.

Dengan ini, novel Salina hasil karya agung A. Samad Said menepati ciri – ciri dan prinsip teori taabudiyah Mana Sikana kerana melihat konsep perlakuan wanita – wanita dalam menempuh liku – liku kehidupan di samping mengabdikan diri kerana Allah S.W.T

Rujukan

- A Samad Said (1979). *Salina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mana Sikana (2014). *Teori Sastera Taabudiyah*. UPSI: PTS Akademia
- Yusof Hasan (2013). *Ikon Kesusasteraan 11 Pemikiran Global Sasterawan Negara Malaysia*. UPSI: Penerbitan UPSI
- Siti Khariah Mohd Zubir (2012). *Cerminan Kehidupan Wanita di Tangan A. Samad Said*. UPSI: Emeritus Publication
- Hashim Awang (1988). *Kritikan Kesusasteraan Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Ahmad (1988). *Memahami Novel dan Cerpen*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd
- Kasmuni Selamat (2002). *111 Wasiat Rasulullah S.A.W Untuk Wanita Solehah*. Kuala Lumpur: Percetakan Putra Jaya Sdn. Bhd